

SABTU • 22.07.2017

ekonomi@utusan.com.my

# UTUSANBIZ

Unit Berita Ekonomi

44, Jalan Utusan,  
Melalui Jalan Chan Sow Lin,  
55200, Kuala Lumpur.  
mel: ekonomi@utusan.com.my  
Twitter: @utusanbiz  
man web: www.utusan.com.my

Bank komersial  
luluskan lebih  
**RM25.7b**  
pinjaman  
perumahan.

Produk  
pembinaan  
disediakan  
dengan  
kemampuan  
pemohon.

**RM24.6b**  
telah disalurkan  
kepada  
peminjam.

Tawar  
produk yang  
bersesuaian  
dengan  
skim-skim  
kerajaan.

## Punca pinjaman tidak lulus:

- DSR tinggi
- Rekod kredit yang buruk
- Pendapatan tidak mencukupi
- Kemampuan bayar balik tidak jelas
- Rekod dokumentasi yang lemah

# Bank lulus pinjaman rumah RM25.7b

Oleh MUHD. SHAHIZAM TAZALI  
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 JULAI

**B**ANK-BANK komersial telah meluluskan lebih RM25.7 bilion pinjaman bagi tujuan pembelian hartanah kediaman di antara Januari hingga Mei tahun ini.

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM) berkata, daripada jumlah itu sebanyak RM24.6 bilion telah disalurkan kepada peminjam.

PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Tambahnya, pinjaman perumahan merupakan komponen terbesar mewakili 34.4 peratus daripada keseluruhan portfolio pinjaman bank komersial sehingga Mei lalu.

"Bagi kes pembelian kediaman menggunakan kaedah pajakan, pihak bank menawarkan produk

yang bersesuaian dengan tahap pendapatan pembeli.

"Produk pembiayaan rumah merangkumi pelbagai ciri antaranya fleksibiliti dan kekerapan pembayaran, kombinasi antara terma pinjaman dan pembiayaan overdraf serta kemudahan pengeluaran semula pengeluaran," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

ABM juga berkata, terdapat beberapa produk khusus bank komersial yang disesuaikan dengan skim-skim perumahan kerajaan

seperti Skim Jaminan Perumahan, Skim Rumah Pertamaku (SRP), Skim Istimewa Pembiayaan Akhir Projek Perumahan Rakyat (Melayu) (PRIMA) dan Skim Sewa Untuk Memiliki PRIMA.

Tambahnya, produk pembiayaan rumah bank komersial disesuaikan dengan peminjam daripada aspek pendapatan dan jenis hartanah yang ingin dibeli termasuk rumah mampu milik.

Berhubung dengan permohonan yang ditolak, persatuan itu menjelaskan punca utama kera-

na nisbah perkhidmatan hutang (DSR) yang tinggi, mempunyai rekod buruk terhadap pinjaman yang lepas serta tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi bagi menampung jumlah pembiayaan yang dipohon.

"Tempoh bekerja dan memulakan perniagaan juga mempengaruhi kelulusan sesuatu pinjaman dengan menilai kapasiti pemohon untuk membuat pembayaran dalam jangka sederhana dan panjang.

"Dokumen sokongan yang

lemah dan rekod perbankan yang tidak konsisten boleh menyebabkan permohonan mereka ditolak kerana kekurangan bukti," ujarnya.

Bagaimanapun katanya, dalam usaha pihak bank untuk mengembangkan lagi portfolio pinjaman, mereka harus melindungi kepentingan pendeposit dan terikat dengan peraturan seperti polisi kredit dalaman bagi memastikan peminjam tidak dibani dengan tanggungan pembiayaan.